

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Kolej Teknologi Pulau**

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

Program Ijazah Luaran  
Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)

**YBP 224 – PERHUBUNGAN AWAM**

Masa : 2 jam

**Arahan Kepada Calon:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA (2)** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Jelaskan kaitan konsep "agenda setting" dengan kebangkitan sesuatu isu. Dengan menggunakan satu isu yang sesuai, jelaskan faktor-faktor mempengaruhi pembentukan pendapat publik dengan mengenalpasti publik-publik yang terlibat dalam isu tersebut.
  
2. Anda adalah pegawai perhubungan awam di salah sebuah badan korporat terkemuka. Setiap tahun Bahagian Perhubungan Awam korporasi ini menerbitkan laporan ekonomi (*economic outlook*) untuk korporasi itu. Ia mengandungi fakta-fakta ekonomi untuk tahun mendatang. Anda ditugaskan membina publisiti mengenai pencapaian korporasi yang terkandung dalam laporan tersebut melalui media-media tertentu.
  - a) Nyatakan saluran media yang menjadi pilihan dengan memberikan justifikasinya dan apakah bentuk publisiti yang akan dijana?
  - b) Apakah kekuatan dan kelemahan akhbar sebagai saluran untuk mesej perhubungan awam anda?
  
3. Hubungan pelabur/kewangan merupakan salah satu elemen dalam bidang perhubungan awam. Jelaskan tugas yang diberikan kepada pengamal perhubungan awam dalam hubungan pelabur/kewangan di samping membincangkan objektif program hubungan pelabur/kewangan.